

**Mah Ucap Terima Kasih Kepada Kepimpinan BN Lantik Beliau Sebagai Menteri  
Bernama  
Jun 25, 2014**

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Presiden Gerakan Datuk Mah Siew Keong mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan Barisan Nasional (BN) kerana mempunyai keyakinan terhadap beliau untuk dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Mah berkata beliau berbesar hati dengan pelantikan itu, yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya pada Rabu.

"Saya berasa amat berbesar hati apabila dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri oleh Perdana Menteri kita Datuk Seri Najib Tun Razak pada 25 Jun 2014.

"Juga mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Najib Tun Razak kerana mempunyai kepercayaan dan keyakinan terhadap saya," kata Mah dalam laman Facebooknya.

Najib pada Rabu mengumumkan pelantikan tiga menteri dan tiga timbalan menteri baharu terdiri daripada pemimpin MCA dan Gerakan.

Dalam pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan pada 31 Mei, Mah, 53, mengalahkan calon DAP Dyana Sofya Mohd Daud dengan majoriti 238 undi.

Kemenangan Mah bukan sahaja menyaksikan BN merampas kembali kerusi itu, tetapi juga mengukuhkan kedudukannya sebagai presiden Gerakan, jawatan yang dimenangnya pada pemilihan parti Oktober tahun lepas, serta kedudukan Gerakan dalam BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049186>